

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB UNTUK GOLONGAN B40

21 NOVEMBER 2020

Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i

No.	Soalan	Jawapan
1	Adakah Penambahbaikan Program Bantuan Pembayaran Bersasar ini turut melibatkan Pembiayaan Awam-i?	Ya, Program ini terbuka kepada pelanggan yang termasuk dalam kategori B40 dan berdaftar dalam pengkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) serta memenuhi kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Isi rumah B40 (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM4,000); atau ii. B40 perseorangan (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM2,000). iii. Pinjaman/Pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari dari tarikh permohonan; dan iv. Pinjaman/Pembiayaan adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.
2	Apakah pilihan yang ada untuk Awam-i bagi Program ini?	Bantuan berikut akan diberikan kepada pelanggan yang layak/kemudahan yang bersesuaian setelah pengesahan bantuan yang diperlukan pelanggan. <ul style="list-style-type: none"> • Pilihan 1: Penangguhan ansuran bulanan selama 3 bulan. Harap maklum yang faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh; atau • Pilihan 2: Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% untuk tempoh 6 bulan. Harap maklum yang faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh. <p><i>Nota: Anda hanya boleh membuat satu pilihan dari pilihan-pilihan yang tertera di atas dan setelah membuat keputusan, ianya tidak boleh diubah.</i></p>
3	Bagaimanakah untuk saya memohon Program ini?	Jika anda ingin mendapatkan maklumat lanjut atau memohon untuk Program ini, anda bolehlah: <ul style="list-style-type: none"> • Mengunjungi mana-mana cawangan CIMB, atau • Menghubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788
4	Bilakah Program ini akan bermula?	Anda boleh memutuskan untuk memilih salah satu pilihan di bawah Program ini dari 23 November 2020 hingga 30 Jun 2021. Program ini akan bermula sebulan setelah anda membuat permohonan.

5	Adakah saya perlu memaklumkan majikan/ Koperasi/BPA tentang permohonan saya untuk Program ini?	<p>Anda tidak perlu memaklumkan majikan anda kerana potongan gaji akan terus berjalan seperti biasa.</p> <p>Pihak Bank akan mengembalikan jumlah wang yang telah dipotong setiap bulan mengikut pilihan yang telah dipilih.</p> <p>Pilihan 1: Penangguhan ansuran bulanan selama 3 bulan Pihak Bank akan mengembalikan jumlah penuh ansuran bulanan untuk 3 bulan berturut-turut dari tarikh permohonan anda berkuat kuasa.</p> <p>Pilihan 2: Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan Pihak Bank akan mengembalikan 50% dari jumlah ansuran bulanan untuk 6 bulan berturut-turut dari tarikh permohonan anda berkuat kuasa.</p>
6	Mengapakah CIMB tidak dapat menghentikan potongan gaji untuk Awam-i ?	<p>Semua potongan gaji dilakukan oleh pihak pengatur bayaran (iaitu Koperasi/bukan koperasi) melalui sistem BIRO Angkasa sesuai dengan perjanjian sebelum ini dengan persetujuan pelanggan-pelanggan yang telah memilih untuk mengambil kemudahan pembiayaan Awam-i.</p> <p>Pihak Bank akan mengembalikan jumlah yang dipotong setelah menerima bayaran dari pengatur bayaran (iaitu koperasi/bukan koperasi) pada setiap bulan mengikut pilihan yang telah anda buat.</p>
7	Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan pembayaran balik bulanan saya daripada CIMB Bank?	<p>Bagi mereka yang layak dan telah berdaftar untuk Program ini, bayaran balik ansuran akan dikreditkan ke akaun semasa/simpanan, seperti aturan berikut:</p> <p>i. <u>Kumpulan 1:</u> Para pelanggan yang mempunyai Akaun CIMB Semasa/Simpanan/-i yang aktif Pembayaran balik ansuran akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun semasa atau simpanan CIMB anda dalam tempoh 5 hari bekerja, setelah menerima dana dari pihak pengatur bayaran/rakan kerjasama potongan.</p> <p>ii. <u>Kumpulan 2:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan tanpa Akaun CIMB Semasa/Simpanan/-i • Pemegang Akaun CIMB tetapi akaun sudah dorman <p>Kami memerlukan anda untuk menghantar butiran akaun aktif yang didaftarkan di bawah nama anda (Sila rujuk Soalan 7). Pembayaran balik ansuran akan dikreditkan di bawah nama anda melalui Inter Bank Giro (IBG). Proses ini mungkin akan</p>

		<p>mengambil masa 7-10 hari bekerja setelah menerima dana daripada pihak pengatur bayaran/rakan kerjasama potongan.</p> <p>ii. Kumpulan 3: Pelanggan yang tidak menghantar butiran akaun Dalam kes ini, pembayaran balik ansuran bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun pembiayaan sebagai bayaran pendahuluan. Kami akan membuat pembayaran balik kepada pelanggan apabila menerima butiran akaun. Proses ini mungkin akan mengambil masa 7-10 hari bekerja.</p>
8	<p>Bagaimanakah saya boleh menghantar butiran IBG (bukan CIMB) Semasa atau Simpanan/-i untuk pembayaran balik ini?</p>	<p>Kami memerlukan butiran Akaun Semasa atau Simpanan/-i yang aktif untuk membuat sebarang pembayaran balik bagi potongan gaji, sama ada akaun ini adalah dengan CIMB atau institusi kewangan yang lain.</p> <p>Anda hanya perlu memastikan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor akaun anda adalah betul, • Akaun anda adalah aktif dan merupakan akaun Semasa atau Simpanan/-i, iaitu akaun di bawah nama anda sebagai pemegang akaun, dan • boleh menerima pindahan dana melalui IBG. <p>Terdapat beberapa cara untuk menghantar butiran Akaun Semasa atau Simpanan/i kepada kami.</p> <p><u>Cara 1 – Hubungi Pusat Panggilan kami di 03-6204 7788</u></p> <p><u>Cara 2 – Lawati mana-mana cawangan CIMB</u></p> <p>Untuk Cara 1 dan 2, sila pastikan yang anda mempunyai butiran IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i bersama anda apabila menghubungi atau mengunjungi mana-mana cawangan kami bagi tujuan ini.</p> <p>Sekiranya anda pernah mengikuti program moratorium 6 bulan kami, kami akan menggunakan maklumat akaun yang telah diberikan sebelum ini. <u>Ejen kami akan menghubungi anda, jika butiran akaun tidak didaftarkan.</u></p>
9	<p>Di manakah saya boleh mendapatkan nombor akaun pinjaman Awam-i saya?</p>	<p>Anda boleh log masuk ke CIMB Clicks, hubungi pusat panggilan kami atau lawati mana-mana cawangan kami.</p>

10	Adakah saya akan menerima notifikasi apabila pembayaran balik telah selesai?	Kami akan memaklumkan anda mengenai status pembayaran balik melalui notifikasi SMS.
11	Apakah yang akan berlaku jika saya memilih Pilihan 1 dan menghantar butiran IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i lewat? Adakah saya akan tetap mendapat bayaran semula tersebut?	Kami akan membayar balik bayaran pendahuluan 3 bulan di dalam akaun pembiayaan anda ke dalam akaun CIMB atau IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i anda.
12	Apakah yang akan berlaku jika saya memilih Pilihan 2 dan menghantar butiran IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i lewat? Adakah saya akan tetap mendapat bayaran semula tersebut?	Kami akan membayar balik bayaran pendahuluan 6 bulan (bayaran 50%) ke dalam akaun CIMB atau IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i anda.
13	Perlukah saya memohon untuk dibayar balik setiap bulan bagi IBG akaun semasa atau simpanan saya?	Tidak, anda hanya perlu memohon sekali sahaja. Untuk bulan-bulan seterusnya, pembayaran balik akan dikreditkan ke dalam IBG akaun semasa atau simpanan yang sama sehingga berakhir pilihan program yang telah dipilih.
14	Adakah saya akan mendapat bayaran balik untuk bayaran perkhidmatan 2%?	Tidak, kami hanya akan mengembalikan bayaran untuk ansuran bulanan ke akaun CIMB atau IBG akaun semasa atau simpanan anda.
15	Bilakah saya boleh mendapatkan bayaran balik tersebut?	Kami akan memproses pembayaran balik itu ke dalam akaun CIMB atau IBG Akaun Semasa atau Simpanan/i setelah menerima fail-fail daripada rakan kerjasama Koperasi/bukan koperasi. Anda akan diberitahu melalui SMS setelah pembayaran balik itu berjaya.